

31/08/1997

Mahathir temui mufti Selasa ini

IPOH: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan dengan semua mufti di seluruh negara, Selasa ini, bagi menjelaskan pandangan kerajaan berhubung fungsi institusi itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Hamid Othman, berkata Perdana Menteri akan berbincang dari hati ke hati mengenai perkara berkenaan bagi menghapuskan pandangan buruk mufti terhadap kerajaan.

"Kerajaan sebenarnya tidak pernah mempertikaikan fungsi institusi mufti tetapi sebarang undang-undang yang dikeluarkan perlulah dirujuk untuk mengelakkan percanggahan.

"Malah, kerajaan belum bercadang mengeluarkan undang-undang bagi menghadkan aktiviti atau menahan mufti yang menyeleweng daripada bidang tugas mereka kerana mereka adalah antara ahli rujuk utama dalam Islam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Ijtimak Guru Takmir Masjid Peringkat Negeri Perak, semalam.

Hadir sama ialah Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Kemajuan dan Kebajikan Masyarakat, Datuk Mohd Zaim Abu Hasan.

Dr Hamid berkata, mufti seharusnya mendengar pandangan ahli agama lain mengenai sesuatu perkara berhubung keagamaan untuk mengelak sebarang kekeliruan atau percanggahan.

Katanya, kerajaan juga akan memperketatkan lagi peraturan bagi memastikan institusi mufti tidak dipergunakan atau dikawal pihak tertentu untuk kepentingan sendiri termasuk bagi tujuan politik.

"Sebelum ini, kita ada menerima laporan mengenai tindakan golongan tertentu yang sengaja memutarbelitkan ceramah atau forum yang dikendalikan mufti sehingga memecahbelahkan mufti dengan kerajaan.

"Oleh itu, kita akan memastikan semua isu yang diperkatakan oleh mufti itu dikawal oleh jabatan agama termasuk dari segi tajuk yang diperbincangkan.

"Setakat ini, peraturan berhubung perkara itu sudah ada, cuma ia perlu diperketatkan bagi memastikan institusi mufti terus terpelihara," katanya.

(END)